

Belia patut diberi kelonggaran salur pandangan

BH 17 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Kerajaan diminta memberi kelonggaran kepada belia bagi memudahkan mereka menyalurkan segala pandangan dan aspirasi untuk membangunkan negara di masa depan.

Setakat ini, belia tidak diberi saluran yang betul dan meluas, sebaliknya diberi tekanan yang menyebabkan golongan ini tidak berpeluang menyalurkan idea bernas mereka kepada kerajaan.

Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan pelajar Islam Malaysia (PK-PIM), Ahmad Zaki Yamani Zainon, berkata tekanan dari pelbagai sudut itu disebabkan idea yang disampaikan bertentangan dengan pandangan barisan pemimpin.

Keadaan ini, katanya, akan meletakkan usaha belia untuk menyalurkan pandangan mereka walaupun ia berupaya memberikan impak positif terhadap pembangunan negara.

Beliau berkata, bagi mengelak perkara ini berterusan, kerajaan perlu mengadakan lebih banyak saluran dan ruang untuk belia menyampaikan kritikan dan pandangan membina kepada kerajaan.

Katanya, Majlis Perundingan Belia Negara yang diadakan setahun sekali belum cukup untuk dijadikan ruang kepada belia menyampaikan rasa hati mereka.

“Kerajaan dan Kementerian Belia dan Sukan seharusnya mengadakan pertemuan lebih kerap dengan belia

seluruh negara bagi mencari resolusi terbaik demi kebaikan bersama.

“Pertemuan ini tidak perlu dibuat dalam suasana formal seperti kertas kerja atau laporan, tetapi cukup sekiranya diadakan dialog sambil bertukar-tukar fikiran sekurang-kurangnya dua kali sebulan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan semua belia mempunyai idealisme bagi membolehkan perubahan dilakukan terhadap masyarakat pada masa depan.

Dr Mahathir berkata, idealisme itu penting bagi memastikan negara terus berkembang maju, walaupun se-

setengah idelisme itu tidak boleh dilaksanakan langsung.

Ahmad Zaki berkata, pihak terabit juga perlu membuat revolusi besar-besaran terhadap persatuan belia atau jabatan belia setiap negeri terutama melantik Presiden atau Pengerusi yang berkelayakan termasuk dari segi umur.

Katanya, kebanyakan jawatan tertinggi sekarang dipegang oleh mereka yang berumur melebihi 40 tahun, sekali gus menghalang keserasian, toleransi dan kerjasama antara pemimpin dan ahlinya.

“Mereka yang bukan lagi belia tidak sesuai berada dalam persatuan kerana mereka ini tidak dapat memahami kehendak dan aspirasi go-

longan itu.

“Kerajaan sepatutnya mengubah senario ini terlebih dahulu sebelum mewujudkan lebih banyak badan atau pertubuhan bertujuan memajukan belia,” katanya.

Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MP-MUM), Roshainizam Suhaimi, berkata kerajaan berkenaan pembangunan dan peranan yang boleh dimainkan oleh belia selain memberi lebih banyak ruang untuk mereka bersuara.

Katanya, walaupun banyak program yang diadakan untuk belia namun kesannya tidak menonjol kerana mereka tidak boleh bersuara, dan ini melenyapkan idelisme mereka.